



17 MAY, 2024

Rangka kerja CCUS dibawa ke Kabinet minggu depan

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Rangka kerja CCUS dibawa ke Kabinet minggu depan

KUALA LUMPUR – Rangka kerja kawal selia untuk industri pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) bakal dibawa ke Kabinet minggu depan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, Rang Undang-undang (RUU) Kawal Selia CCUS dijangka dibentangkan di Parlimen menjelang hujung tahun ini untuk diluluskan pada November.

Jelasnya, Malaysia sebelum ini tidak memiliki undang-undang khusus yang mengawal selia industri CCUS dan RUU berkenaan bakal meletakkan Malaysia sebagai antara negara yang paling hadapan dari segi kemudahan untuk industri berkenaan.

“Seperti undang-undang lain, ia akan melihat kepada keseluruhan aspek yang diperlukan untuk membina satu industri baharu supaya berlaku adil kepada semua.

“Ia memberi panduan dari segi kelulusan, kawal selia industri serta pada masa sama melindungi kepentingan orang ramai dari segi liabiliti dan alam sekitar.

“Ia perlu diluluskan akhir tahun ini untuk membolehkan Malaysia menyertai industri CCUS antarabangsa terutamanya melibatkan pusingan bidaan akan datang yang sebahagiannya bermula seawal tahun 2025 dan 2026.

“Bidaan dalam industri ini tidak berlaku setiap tahun kerana ia melibatkan perjanjian untuk tempoh berpuluh tahun. Sekiranya kita terlepas pusingan bidaan kali ini kita mungkin perlu menunggu berpuluh tahun lagi,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menghadiri Forum OGSE 100 CEOs

**RAFIZI**

anjakan Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC) di sini, semalam.

Rafizi menambah, dengan kemerosotan pengeluaran minyak dan gas (O&G) negara, CCUS penting bukan sahaja kepada pekerja, malah bandar yang bergantung kepada O&G seperti Kerteh, Terengganu kerana boleh memanjangkan jangka hayat sektor berkenaan.

“Pengeluaran minyak Malaysia dijangka mengalami penurunan sebanyak 30 peratus dalam tempoh lima tahun akan datang.

“Malaysia mempunyai kelebihan dalam industri CCUS ini kerana ia memerlukan telaga minyak yang tidak dipakai. Negara Arab misalnya sukar membuat CCUS kerana kandungan minyak dalam telaga minyak mereka masih banyak.

“Dalam suasana pengeluaran minyak dan gas kita yang sedang berkurangan, kita sebenarnya ada banyak telaga minyak yang sudah kosong. Dari segi pengalaman, kepakaran ketersediaan dan infrastruktur, kita memang jauh ke hadapan berbanding negara-negara lain,” ujarnya.